

DOA IBU BAPA PUNCA KEBERKATAN REZEKI

Oleh: Nurul Farzana binti Shamshol Anuar, 1171832,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 30 July 2020



Kejayaan yang kita kecapai kini bukanlah hanya semata-mata atas usaha kita sahaja, malah berkat doa orang di sekeliling kita terutamanya doa ibu bapa kita.

Ibu bapa lazimnya sangat menyayangi dan sentiasa melindungi serta menjaga anak-anak lebih daripada nyawa mereka sendiri.

Semasa kecil, ibu bapa menjaga anak-anak bagai menatang minyak yang penuh. Namun, mengapakah segelintir anak-anak tidak pula ingin membalas jasa ibu bapa apabila mereka sudah berusia?

Ibu bapa ialah insan yang paling mulia yang wajib kita hormati tanpa ada batasannya. Seperti yang disebutkan dalam surah al-Nisa ayat 36, Allah SWT berfirman, "Dan hendaklah kamu

beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa juga; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa.”

Dalam erti kata lain, ibu bapa adalah tunjang dan watak utama dalam perjalanan hidup kita kerana mereka antara insan-insan yang mendidik serta menjaga kita sejak dari kecil sehingga dewasa.

Malah, mereka sering memberikan pandangan dan nasihat apabila kita menjengah ke alam kehidupan yang lebih mencabar.

Selain itu, apabila kita sudah melangkah masuk ke alam dewasa pastinya kita sudah mempunyai jalan hidup sendiri dan memilih kerjaya yang kita minati.

Dengan lain perkataan, kita sudah mempunyai mata pencarian sendiri tanpa perlu meminta wang saku daripada ibu bapa lagi.

Persoalannya, berapa ramai anak-anak yang menyediakan dan mengasingkan sebahagian daripada gaji mereka untuk diberikan kepada ibu bapa setiap bulan?

Adakah anak-anak masih berkira-kira dengan ibu bapa yang menjaga mereka selama ini? Atau anak-anak lebih bimbang dan takut gaji mereka tidak cukup sekiranya mereka berkongsi pendapatan dengan ibu bapa? Tepuk dada tanyalah iman.

Rentetan itu, sering kita dengar walaupun gaji anak-anak melebihi puluhan ribu ringgit namun mereka masih merasakan wang yang mereka perolehi tidak cukup kerana terhimpit dengan pelbagai komitmen yang perlu diselesaikan.

Sehingga ada yang sanggup menggunakan masa lapang mereka untuk membuat kerja tambahan semata-mata untuk menyelesaikan komitmen bulanan mereka.

Namun, jika dilihat rata-rata mereka tetap mengatakan bahawa pekerjaan yang mereka lakukan tidak mencukupi untuk menanggung kos kehidupan sekarang.

Dalam sedar tidak sedar, masalah utama yang dihadapi oleh mereka adalah hilang keberkatan dalam rezeki yang dicari ekoran perbuatan mengabaikan ibu bapa sendiri.

Berkongsi rezeki yang kita perolehi bersama ibu bapa kita boleh memupuk sikap ingin bersedekah dan juga mengikis sifat mementingkan diri sendiri.

Walaupun kebanyakan ibu bapa tidak mengharapkan wang ringgit daripada anak-anak mereka, kita sebagai anak perlu prihatin terhadap kebajikan mereka.

Berapa besar nilai wang ringgit itu bukanlah menjadi ukuran dan syarat dalam pemberian wang kepada mereka. Niatkan dalam hati untuk berkhidmat dan membalas jasa mereka pula.

Maka, anak-anak jangan terlalu berkira untuk memberi duit belanja kepada ibu bapa walaupun hanya mampu menghulurkan seringgit sahaja.

Sayangilah ibu bapa seperti mereka menyayangi kita sewaktu kecil. Ingatlah, doa mereka antara harta yang paling tidak ternilai buat anak-anak. Tanpa doa mereka maka hilanglah keberkatan dalam hidup anak-anak.

